

Mohd Khidir Zakaria
news@nstp.com.my

Port Dickson

Pemilihan pelakon bidan terjun tidak menghalang wakil Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Budiman dari Terengganu dinobatkan juara Pertandingan Persembahan Seni Kreatif (PPSK) Peringkat Kebangsaan di Dewan PNB Ilham Resort di sini, semalam.

Pemilihan pelakon seramai enam orang termasuk pelakon bidan terjun dibuat bagi menyertai pertandingan peringkat negeri, Mei lalu.

Guru penasihat, Muhammad Hasnul Anuar Ahmad Sabri berkata, selepas muncul juara peringkat negeri, pasukan itu terpilih ke peringkat kebangsaan dan berlatih sejak dua bulan lalu bagi menjayakan persembahan dengan tajuk Hibah.

Katanya, semalam SK Seri Budiman diumumkan juara peringkat kebangsaan dalam pertandingan anjuran Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), sekali gus membanggakan Terengganu.

"Saya berterima kasih kepada guru yang membantu, Sofiah Khairani Ibrahim dan Mazni Zakaria.

"Bukan mudah memben-



“

Bukan mudah membentuk murid menghayati watak dan pada masa yang sama memahami sendiri erti pelaburan kerana mereka perlu melakonkan watak supaya tidak lari daripada tema”

Muhammad Hasnul
Anuar Ahmad Sabri

tuk murid menghayati watak dan pada masa yang sama memahami sendiri erti pelaburan kerana mereka perlu melakonkan watak supaya



PESERTA bersama hadiah yang dimenangi pada Pertandingan Persembahan Seni Kreatif Peringkat Kebangsaan, semalam.

SK Seri Budiman rangkul RM7,900

■ Dinobatkan juara Pertandingan Persembahan Seni Kreatif

tidak lari daripada tema,” katanya.

SK Seri Budiman menerima hadiah RM7,900 yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin.

Bagi Ketua kumpulan SK Seri Budiman, Bazli Irfan Mohd Rodzi, 11, dia terkejut apabila diumumkan seko-

lahnya muncul juara.

"Saya dan rakan hanya berjanji untuk buat yang terbaik. Pada mulanya selepas diumumkan antara lima yang terbaik dari 10 pasukan, kami sudah teruja kerana semua pasukan adalah yang terbaik.

"Terima kasih kepada guru yang melatih kami dengan sabar dan hasilnya kami di-

noatkan sebagai juara. Tujuan saya ambil bahagian adalah untuk melatih bercakap depan orang ramai dan kemenangan ini memberi keyakinan kepada saya di masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Mohammad berkata, pihaknya menganjurkan pelbagai aktiviti berteraskan pendidikan bertujuan menyampaikan ilmu

pelaburan dan perancangan kewangan kepada orang ramai terutama pelajar sekolah.

"Melalui program seperti ini peserta bukan sahaja dapat memahami ilmu pelaburan dan perancangan kewangan, malah membuka minda untuk memilih ASNB sebagai produk pelaburan pilihan," katanya.